



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**13 Julai 2021**

### **LEBIH 2,000 PENDUDUK DI KG. PENGKALAN RANGOON DAN KG. PONDOK PASIR, KEMAMAN DI TERENGGANU KINI BOLEH NIKMATI JARINGAN TELEKOMUNIKASI 4G LEBIH BAIK**

Para penduduk di Kemaman kini boleh menikmati jaringan telekomunikasi 4G yang lebih baik selepas dua (2) menara komunikasi baharu yang dibina di dua (2) lokasi iaitu di Kampung Pengkalan Rangoon dan Kampung Pondok Pasir telah beroperasi sepenuhnya pada Jun yang lalu.



**PENGARAH MCMC Terengganu, Mohd Fairus Muhamad (dua dari kiri) bersama-sama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemasik, YB Ir. Saiful Azmi Suhaili (berbaju ungu) diberi taklimat oleh pihak Maxis berkenaan operasi rangkaian 4G di Kg. Pengkalan Rangoon, Kemaman.**

Selain itu, projek talian tetap gentian optik di kawasan Kemaman juga sedang giat dilaksanakan melibatkan 8,928 premis. Sehingga kini, sebanyak 6,091 premis baharu telah mendapat jaringan gentian optik berkelajuan tinggi manakala baki 2,837 akan siap menjelang suku keempat tahun 2022.



**PENGARAH MCMC Terengganu, Mohd Fairus Muhamad (dua dari kiri) bersama-sama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemasik, YB Ir. Saiful Azmi Suhaili (berbaju ungu) diberi taklimat oleh pihak TM berkenaan rangkaian talian tetap gentian optik Unifi di kawasan perumahan mampu milik Gong Chengal, Kemaman, baru-baru ini.**

Peluasan rangkaian gentian optik dan pembinaan menara-menara komunikasi baharu di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) ini akan memberi manfaat kepada lebih 2,000 penduduk di kawasan-kawasan tersebut.

Melalui usaha-usaha yang diambil itu, para penduduk di kawasan-kawasan berkenaan kini dapat melaksanakan pelbagai aktiviti seharian seperti tujuan pembelajaran, Bekerja Dari Rumah (WFH), perhubungan mahupun aktiviti ekonomi dalam talian, dengan lancar.

## **JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

